



Dengan “baik hati” Tuan Ong Eng Guan maka penjaja-penjaja di Singapura semakin ramai dan semakin banyak. Mereka terbiar tidak lagi terkawal dan kerana “baik hati” Tuan Ong Eng Guan itulah maka alat dan nyamuk semakin menjadi sebab sampah-sarap telah banyak bertimbun-timbun dan ayam-ayam dipotong di tengah-tengah jalan sebab penjaja-penjaja ayam telah meletakkan sangkarnya di tengah jalan sehingga jalan-jalan lalu lintas tertutup. Akhirnya penjaja menutup jalan tidak ditangkap, kereta menutup jalan di saman! Hebat bung undang-undang memilih bulu.

\* \* \*

Kalau penjaja-penjaja telah ramai tentulah pembeli-pembelinya berpecah-pecah – tidak membeli di satu tempat sahaja. Akibatnya - cara menolong orang-orang yang bekerja itu kelak, banyak penjual sedang pembeli tak bertambah akhirnya lepas satu satu lagi gulung tikar sebab telah banyak rugi. Adakah cara ini permainan politik? Kalau mau tahu tanya Dato’ Bandar Singapura.

\* \* \*

Tunku Abdul Rahman meletakkan jawatannya sebagai Perdana Menteri kerana hendak menumpukan perhatiannya seluruhnya kepada parti di dalam menghadapi pilihan raya yang akan datang. Langkah Tunku ini tentunya tidaklah boleh dicuainya sahaja oleh parti-parti lain sebab walau bagaimanapun tenaganya sangat besar ertinya di seluruh Tanah Melayu. Tetapi hanya satu yang diingat bahawa kesudahan daripada segala usaha itu Tuhan yang menentukannya – kerana itu orang-orang yang berjuang itu janganlah semata-mata

menggantungkan halnya kepada perjuangannya sahaja tetapi mestilah juga berserah kepada yang Maha Kuasa.

\* \* \*

Tuan Taha Suhaimi Hakim Mahkamah Shar’ah Singapura menurut akhbar telah menjatuhkan hukuman fasakh ke atas seorang suami terbit daripada pengaduan isterinya yang dikatakan tidak mau terima dimadukan. Alasan yang diberi oleh Tuan Taha sisi ‘kononnya berdasarkan fatwa kalau seseorang isteri tidak suka dimadukan ia boleh menuntut fasakh. Dengan sebab itu orang bertanya adakah hukum beristeri satu itu dihalalkan oleh Islam? Fatwa siapakah yang disebut oleh Tuan Taha? Barangkali fatwanya sendiri bung!

\* \* \*

Masa pilihan raya telah hampir – ertinya perang lidah di antara parti-parti sekarang sudah dimulai dengan hebat. Perjuangan ini adalah umpama gajah sama gajah berjuang pelanduk mati di tengah-tengah. Ertinya rakyat yang menderita dan menjadi lambungan dalam masa orang-orang berebut-rebut mengambil kuasa memerintah. Rakyat umumnya berhajat tidaklah mereka menjadi batu loncatan. Yang diharap rakyat ialah kelapangan hidup dan kemewahan – bukan hidup sempit seperti sekarang! Pendapat ini betul – bung!

\* \* \*

Baharu-baharu ini Persekutuan Tanah Melayu telah mengambil langkah menghapuskan orang-orang yang disifatkan sebagai subversif. Langkah ini dikenal dengan langkah Dato’ Razak dan langkah serupa ini sepatutnya dijalankan lagi kepada anasir-anasir seperti ini sebab keselamatan rakyat selalu terkacau oleh mereka. Hanya sanya orang sekarang tertanya-tanya bila Singapura mengikuti langkah itu sebab hidup di Singapura kerana perbuatan anasir seperti ini menyusahkan hidup rakyat. Kalau mau tahu bila masanya - tanya sama –

Cemeti al-Farouk.